

**D.R. 9/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN  
TERHAD LUAR PESISIR LABUAN  
1997**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PENUBUHAN PERKONGSIAN TERHAD LUAR PESISIR**

3. Perkongsian terhad luar pesisir.
4. Pendaftaran suatu perkongsian terhad luar pesisir.
5. Pindaan perjanjian perkongsian.
6. Nama perkongsian.
7. Pejabat berdaftar.
8. Sumbangan pekongsi terhad.
9. Hak dan obligasi pekongsi am.
10. Penguatkuasaan penghakiman terhadap harta perkongsian terhad luar pesisir.
11. Hak-hak pekongsi terhad.
12. Perkongsian keuntungan.
13. Urusan-urusan oleh pekongsi terhad dengan perkongsian.
14. Hak-hak pekongsi terhad di kalangan mereka.
15. Pemulangan sumbangan pekongsi terhad.
16. Liabiiti pekongsi terhad kepada perkongsian.
17. Liabiliti pekongsi terhad kepada pemiutang.
18. Kemasukan pekongsi terhad tambahan.

## Fasal

19. Penyerahhakan.
20. Notis pembubaran.
21. Pembubaran perkongsian terhad luar pesisir.
22. Pembubaran perkongsian kerana kematian, dll., pekongsi am.
23. Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembubaran.
24. Penyelesaian akaun kerana pembubaran.
25. Prosiding undang-undang dan penyampaian dokumen.
26. Kuasa untuk menandatangani.

## BAHAGIAN III

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

27. Kuasa penyeliaan.
28. Larangan dan sekatan ke atas perkongsian terhad luar pesisir.
29. Fee.
30. Pemeriksaan dan pengeluaran dokumen yang disimpan oleh **Lembaga dan perkongsian terhad luar pesisir.**
31. Bentuk rekod perkongsian terhad luar pesisir.
32. Kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan dokumen **perkongsian terhad luar pesisir.**
33. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.
34. Dokumen hendaklah difailkan melalui syarikat amanah.
35. Prosedur jika tiada prosedur ditetapkan.
36. Tanggung rugi.
37. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan.
38. Pemetongan.
39. Pemasukan semula dalam daftar.
40. Kesan pemetongan.
41. Kerahsiaan.
42. Peraturan-peraturan.
43. Kuasa Menteri untuk mengecuali.
44. Peruntukan kecualian.

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi memperuntukkan undang-undang baru bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran perkongsian terhad luar pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Akta Lembaga" ertinya Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996; Akta 545.

"bukan pemastautin" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Amanah Labuan 1990; Akta 442.

"daftar" ertinya daftar yang disenggarakan di bawah subseksyen 4(5);

"kepentingan perkongsian" ertinya bahagian seseorang pekongsi daripada keuntungan dan kerugian suatu perkongsian terhad luar pesisir dan hak untuk menerima pembahagian aset-aset perkongsian dan faedah-faedah lain yang diberikan oleh perjanjian perkongsian;

"Ketua Pengarah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga;

"Labuan" ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

"Lembaga" ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga;

"mahkamah" ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"nilai statutori" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 8(2);

"pekongsi" ertinya pekongsi terhad atau pekongsi am;

"pekongsi am" ertinya seseorang yang dinamakan sebagai yang demikian dalam perjanjian perkongsian yang difailkan menurut subseksyen 4(5) dan jika lebih daripada seorang hendaklah bererti setiap seorang pekongsi am;

"pekongsi terhad" ertinya seseorang yang dinamakan sebagai yang demikian dalam daftar yang disimpan di bawah subseksyen 7(4) dan jika lebih daripada seorang hendaklah bererti setiap seorang pekongsi terhad;

"Pengerusi" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga;

"perakuan" ertinya apa-apa perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini;

"perjanjian perkongsian" ertinya apa-apa perjanjian bertulis pekongsi-pekongsi tentang hal-ehwal suatu perkongsian terhadap luar pesisir dan hak-hak dan obligasi-obligasi sesama pekongsi;

"perkhidmatan kewangan luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga;

"perkongsian terhadap luar pesisir" ertinya—

- (a) sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir am yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(6);
- (b) sesuatu perkongsian profesional luar pesisir yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(4) untuk menjalankan satu atau lebih daripada satu bidang amalan yang disebut dalam subseksyen itu; dan
- (c) sesuatu perkongsian projek luar pesisir yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(5) semata-mata untuk menjalankan projek atau perniagaan yang dinyatakan dalam subseksyen itu;

"syarikat amanah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Amanah Labuan 1990; *Akta 442.*

"syarikat luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. *Akta 441.*

(2) Bagi maksud Akta ini, suatu perkongsian terhadap luar pesisir adalah tak solven jika pekongsi amnya tidak berupaya untuk menunaikan hutang-hutang dan obligasi-obligasi perkongsian terhadap luar pesisir itu (tidak termasuk liabiliti-liabiliti kepada pekongsi berkenaan dengan kepentingan perkongsiannya) apabila ia kena dibayar daripada aset perkongsian terhadap luar pesisir itu tanpa menggunakan aset berasingan seseorang pekongsi am yang tidak disumbangkan kepada perkongsian terhadap luar pesisir itu, dan "solven" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(3) Jika apa-apa dokumen dikehendaki difailkan, diserahsimpan atau didaftarkan dengan Lembaga melalui suatu syarikat amanah, syarikat amanah itu hendaklah, tanpa menjejaskan kewajipannya seperti yang terkandung dalam Akta Syarikat Amanah Labuan 1990, memastikan kesahan, kebenaran dan kesahihan dokumen itu.

## BAHAGIAN II

## PENUBUHAN PERKONGSIAN TERHAD LUAR PESISIR

Perkongsian  
terhad luar  
pesisir.

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir boleh dibentuk oleh mana-mana orang untuk apa-apa maksud yang sah.

(2) Sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pekongsi dan tidak lebih daripada dua puluh orang pekongsi, yang daripadanya —

- (a) sekurang-kurangnya seorang hendaklah pekongsi am; dan
- (b) sekurang-kurangnya seorang hendaklah pekongsi terhadap.

(3) Seseorang boleh menjadi pekongsi am dan pekongsi terhadap pada masa yang sama dalam perkongsian terhadap luar pesisir yang sama.

(4) Jika sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir ditubuhkan bagi maksud menjalankan perkongsian profesional luar pesisir, maka perkongsian profesional luar pesisir itu—

- (a) tidak boleh menjalankan amalan kecuali dalam satu atau lebih daripada satu bidang yang berikut:
  - (i) perakaunan;
  - (ii) sains aktuari;
  - (iii) kejuruteraan;
  - (iv) undang-undang; atau
  - (v) apa-apa bidang lain yang boleh ditentukan oleh Lembaga;
- (b) hendaklah mempunyai perlindungan insurans tanggung rugi profesional yang sedang berkuatkuasa yang meliputi tidak kurang daripada amaun yang ditetapkan dengan penanggung insurans yang diluluskan oleh Lembaga; dan

- (c) hendaklah terdiri daripada pekongsi-pekongsi yang tiada seorang pun daripadanya ialah pertubuhan perbadanan.
- (5) Jika suatu perkongsi terhad luar pesisir dibentuk bagi maksud menjalankan perkongsi projek luar pesisir, perkongsi projek luar pesisir itu—
- (a) hendaklah ditubuhkan semata-mata bagi maksud mengusahakan projek atau perniagaan yang dinyatakan dalam perjanjian perkongsiannya, yang merupakan satu-satunya projek atau perniagaan yang akan diusahakan oleh perkongsi projek luar pesisir itu;
  - (b) hendaklah memasukkan dalam perjanjian perkongsiannya satu peruntukan yang memperuntukkan bahawa perkongsi projek luar pesisir itu hendaklah dibubarkan selepas projek atau perniagaan yang dinyatakan dalam perjanjian itu siap; dan
  - (c) hendaklah terdiri daripada pekongsi-pekongsi yang setiap satunya ialah pertubuhan perbadanan.
- (6) Jika suatu perkongsi terhad luar pesisir dibentuk bagi maksud menjalankan suatu perkongsi terhad am luar pesisir, perkongsi terhad am luar pesisir itu bolehlah terdiri daripada mana-mana orang sebagai pekongsi.
- (7) Bagi maksud subseksyen (6), perkataan "orang" hendaklah termasuk kumpulan orang, diperbadankan atau tak diperbadankan.

4. (1) Permohonan bagi pendaftaran sesuatu perkongsi terhad luar pesisir hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang ditetapkan dan disertakan dengan fee yang ditetapkan.

Pendaftaran  
suatu  
perkongsi  
terhad luar  
pesisir.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, tiada perkongsi boleh didaftarkan sebagai suatu perkongsi terhad luar pesisir melainkan jika Lembaga telah menerima suatu perakuan yang telah

dilengkapkan dengan sewajarnya oleh syarikat amanah yang memperakui bahawa seorang daripada pekongsi itu ialah—

- (a) suatu syarikat luar pesisir berdaftar;
- (b) suatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah atau penama bagi seseorang bukan pemastautin; atau
- (c) bukan pemastautin.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), sesuatu syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah atau penama bagi bukan pemastautin hendaklah disifatkan sebagai bukan pemastautin.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), Lembaga tidak boleh mendaftarkan sesuatu perkongsian terhad luar pesisir melainkan jika telah difailkan dengan Lembaga suatu perjanjian perkongsian yang telah disempurnakan oleh setiap orang yang, apabila terbentuk perkongsian terhad luar pesisir itu, menjadi pekongsi am dan perjanjian perkongsian hendaklah menyatakan—

- (a) nama yang dengannya perkongsian terhad luar pesisir itu akan dijalankan;
- (h) alamat yang dicadangkan bagi pejabat berdaftar perkongsian terhad luar pesisir itu;
- (c) nama dan alamat penuh setiap pekongsi am atau, dalam hal pertubuhan perbadanan, tempat ia diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya;
- (d) tempoh, jika ada, perkongsian terhad luar pesisir itu akan wujud atau, jika tempoh tidak terhad, satu pernyataan yang bermaksud sedemikian;
- (e) jenis perniagaan yang akan diusahakan; dan
- (f) apa-apa butir lain yang ditetapkan.

(5) Lembaga hendaklah menyenggarakan suatu daftar perkongsian terhad luar pesisir yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(6) Apabila sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir didaftarkan, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan yang bermaksud sedemikian dan perakuan itu hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberikuasanya dan dimeteraikan dengan meterai Lembaga.

(7) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (6) hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa suatu perkongsian terhadap luar pesisir telah didaftarkan dengan Lembaga.

(8) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (6) adalah sah dan efektif selama tempoh tidak melebihi satu tahun dari tarikh pendaftaran atau sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan itu.

(9) Pendaftaran sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir boleh diperbaharui apabila permohonan dibuat kepada Lembaga dalam borang yang ditetapkan dan disertakan dengan fee yang ditetapkan.

(10) Lembaga boleh mengenakan atau mengepulkan apa-apa syarat, sekatan atau terma yang difikirkannya sesuai pada mana-mana perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

5. (1) Jika apa-apa perubahan dibuat atau terjadi berkenaan dengan mana-mana butir-butir dalam perjanjian perkongsian sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir yang didaftarkan di bawah seksyen 4, perkongsian terhadap luar pesisir itu hendaklah dalam masa 30 hari memfailkan dengan Lembaga suatu notis yang ditandatangani oleh seorang pekongsi am yang menyatakan jenis perubahan itu.

Pindaan  
perjanjian  
perkongsian.

(2) Lembaga hendaklah mendaftarkan notis yang disebut dalam subseksyen (1), dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan yang memperakui pendaftaran itu.

(3) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai yang diberikuasanya dan dimeteraikan dengan meterai Lembaga.

(4) Jika suatu perkongsian terhad luar pesisir tidak mematuhi subseksyen (1), setiap pekongsi am adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Nama  
perkongsian.

**6.** (1) Nama bagi setiap perkongsian terhad luar pesisir hendaklah berakhir dengan perkataan "Perkongsian Terhad" bagi yang sepenuhnya atau kependekan "P.Thd.".

(2) Nama bagi seseorang pekongsi terhad tidak boleh ditunjukkan dalam nama sesuatu perkongsian terhad luar pesisir melainkan jika itu adalah juga nama salah seorang pekongsi am atau perkongsian terhad luar pesisir itu telah dijalankan di bawah nama itu sebelum kemasukan pekongsi itu sebagai pekongsi terhad.

(3) Nama perbadanan atau mana-mana bahagian nama perbadanan sesuatu pekongsi terhad tidak boleh ditunjukkan dalam nama sesuatu perkongsian terhad luar pesisir melainkan jika itu adalah juga nama perbadanan atau sebahagian daripada nama perbadanan bagi salah satu pekongsi am atau perkongsian terhad luar pesisir itu telah dijalankan di bawah nama itu sebelum kemasukan pekongsi perbadanan itu sebagai pekongsi terhad.

(4) Sesuatu pekongsi terhad yang nama atau nama perbadannya ditunjukkan dalam nama perkongsian terhad luar pesisir bertentangan dengan subseksyen (2) atau (3) hendaklah bertanggung sebagai pekongsi am kepada mana-mana pemiutang perkongsian terhad luar pesisir itu yang telah memberikan kredit tanpa pengetahuan sebenar bahawa pekongsi terhad itu bukan pekongsi am.

(5) Lembaga boleh enggan mendaftarkan sesuatu perkongsian terhad luar pesisir jika nama perkongsian terhad luar pesisir yang hendak didaftarkan itu adalah pada pendapatnya mengelirukan atau selainnya tidak wajar.

7. (1) Sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir hendaklah mempunyai pejabat berdaftar di Labuan yang hendaklah pejabat berdaftar suatu syarikat amanah.

(2) Sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir boleh menukar alamat pejabat berdaftarnya dari semasa ke semasa dengan memfailkan notis penukaran itu dengan Lembaga.

(3) Penukaran alamat hendaklah didaftarkan oleh Lembaga dan hendaklah berkuatkuasa apabila didaftarkan sedemikian.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sehingga tamat tempoh 30 hari yang bermula pada tarikh sesuatu penukaran alamat sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir didaftarkan, seseorang boleh dengan sah menyampaikan apa-apa dokumen kepada perkongsian terhadap luar pesisir di pejabat berdaftarnya yang terdahulu.

(5) Sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir hendaklah menyimpan di pejabat berdaftarnya—

(a) suatu daftar yang menunjukkan bagi setiap pekongsi terhadap—

(i) nama penuh dan alamat bagi setiap pekongsi terhadap yang merupakan seorang individu atau, dalam hal sesuatu pertubuhan perbadanan, nama penuhnya, tempat ia diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya; dan

(ii) jika penyertaan pekongsi terhadap ditentukan dengan peratusan kepentingan atau dengan bilangan unit atau hak serupa yang lain yang dipegang oleh mereka, peratus kepentingan atau bilangan dan kelas unit atau hak lain yang dipegang;

(b) satu salinan perjanjian perkongsian bagi perkongsian terhadap luar pesisir itu dan setiap pindaan yang dibuat kepadanya;

- (c) satu pernyataan tentang amaun apa-apa sumbangan yang dipersetujui dibuat oleh pekongsi terhad dan masa bilamana, atau peristiwa yang apabila berlaku akan menyebabkan sumbangan itu akan kena dibuat;
- (d) satu pernyataan tentang amaun wang dan jenis serta nilai apa-apa harta lain yang disumbangkan oleh setiap pekongsi terhad dan tarikhnya;
- (e) satu pernyataan tentang amaun sumbangan yang dipulangkan kepada pekongsi terhad dan tarikhnya; dan
- (f) apa-apa butir lain yang ditetapkan.

(6) Dokumen-dokumen yang disimpan di bawah subseksyen (5) hendaklah—

- (a) menjadi keterangan *prima facie* tentang butir-butir yang diarahkan melalui subseksyen itu supaya terkandung dalam dokumen-dokumen itu;
- (b) dipinda dalam masa 30 hari dari apa-apa perubahan butir-butir yang terkandung dalamnya; dan
- (c) sedia untuk pemeriksaan dan penyalinan tanpa bayaran dalam waktu perniagaan biasa atas permintaan pekongsi.

(7) Jika sesuatu perkongsian terhad luar pesisir tidak mematuhi seksyen ini, perkongsian terhad luar pesisir itu dan setiap pekongsi am adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Sumbangan  
pekongsi  
terhad.

**8.** (1) Apa-apa sumbangan yang dibuat oleh seseorang pekongsi terhad kepada sesuatu perkongsian terhad luar pesisir bolehlah dalam bentuk wang dalam mana-mana matawang, apa-apa harta lain, atau perkhidmatan.

(2) Jika sumbangan pekongsi terhadap itu dibuat atau diakujanji untuk dibuat selain daripada dalam bentuk wang tunai—

- (a) maka hendaklah dengan serta-merta diberikan kepada sumbangan atau sebahagian daripada sumbangan itu atau kepada sumbangan yang diniatkan atau sebahagian daripada sumbangan yang diniatkan itu, mengikut perjanjian perkongsian, suatu nilai yang dikenali sebagai nilai statutori; dan
- (b) nilai statutori hendaklah bagi maksud Akta ini diterima sebagai nilai sumbangan itu atau bahagian itu daripada sumbangan itu atau daripada sumbangan yang diniatkan itu atau bahagian itu daripada sumbangan yang diniatkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**9.** (1) Pekongsi am dalam sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir hendaklah mempunyai segala hak dan kuasa dan hendaklah tertakluk kepada semua larangan dan liabiliti pekongsi dalam sesuatu perkongsian tanpa pekongsi terhadap kecuali bahawa, tanpa persetujuan bertulis atau ratifikasi oleh semua pekongsi terhadap, pekongsi am tidak mempunyai kuasa untuk—

Hak dan  
obligasi  
pekongsi am.

- (a) melakukan sesuatu perbuatan yang menjadikan aktiviti-aktiviti perkongsian terhadap luar pesisir itu mustahil dijalankan;
- (b) memiliki mana-mana harta perkongsian terhadap luar pesisir, atau melupuskan mana-mana hak ke atas mana-mana harta perkongsian terhadap luar pesisir, kecuali untuk maksud perkongsian; atau
- (c) menerima masuk seseorang sebagai pekongsi am atau menerima masuk seseorang sebagai pekongsi terhadap, melainkan jika hak untuk berbuat demikian telah diberikan dalam perjanjian perkongsian.

(2) Mana-mana harta sesuatu perkongsian terhad luar pesisir yang telah dipindahkan kepada atau diletakhakkan pada atau dipegang bagi pihak mana-mana satu atau lebih daripada satu pekongsi am atau telah dipindahkan kepada atau diletakhakkan pada nama perkongsian terhad luar pesisir hendaklah dipegang atau disifatkan sebagai dipegang oleh pekongsi am, atau jika lebih daripada satu, oleh pekongsi am secara berse sama, sebagai suatu aset perkongsian terhad luar pesisir itu mengikut terma-terma perjanjian perkongsian.

(3) Mana-mana hutang atau obligasi yang ditanggung oleh pekongsi am dalam melakukan aktiviti-aktiviti sesuatu perkongsian terhad luar pesisir hendaklah menjadi hutang atau obligasi perkongsian terhad luar pesisir itu.

Penguatkuasaan penghakiman terhadap harta perkongsian terhad luar pesisir.

**10.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada penghakiman boleh dikuatkuasakan terhadap mana-mana harta sesuatu perkongsian terhad luar pesisir melainkan jika penghakiman itu telah diberikan terhadap seorang pekongsi am atas sifatnya sebagai pekongsi am bagi perkongsian terhad luar pesisir itu.

(2) Pemiutang seseorang pekongsi am atau pekongsi terhad, atas sifat pekongsi itu selain sebagai suatu pekongsi am atau pekongsi terhad bagi suatu perkongsian terhad luar pesisir, tidak boleh membuat tuntutan terhadap harta perkongsian terhad luar pesisir itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghalang penguatkuasaan sesuatu perintah mahkamah yang berhubungan dengan harta sesuatu perkongsian terhad luar pesisir dalam apa-apa hal jika, oleh sebab mana-mana peristiwa yang tersebut dalam perenggan 22(1)(a) atau 22(1)(b), suatu penghakiman tidak boleh diberikan terhadap pekongsi am atas sifatnya sebagai pekongsi am perkongsian terhad luar pesisir itu.

Hak-hak pekongsi terhad.

**11.** (1) Seseorang pekongsi terhad mempunyai hak yang sama seperti pekongsi am—

(a) dalam waktu berniaga, untuk memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan

daripada buku, dokumen dan rekod perkongsian terhadap luar pesisir itu; dan

- (b) untuk diberi, apabila diminta, maklumat yang betul dan penuh tentang segala benda yang menyentuh perkongsian terhadap luar pesisir itu dan untuk diberi laporan rasmi tentang hal-ehwal perkongsian bilamana adil dan munasabah berbuat demikian.

(2) Seseorang pekongsi terhadap tidak berhak untuk membubarkan sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir melalui notis kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 22(3).

(3) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan, yang nyata atau tersirat, dalam perjanjian perkongsian yang berlawanan, sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir tidak boleh dibubarkan disebabkan oleh—

- (a) dalam hal pekongsi terhadap yang merupakan seorang individu, kematian, ketidakupayaan di sisi undang-undang, kebangkrapan, persaraan atau penarikan dirinya daripada perkongsian terhadap luar pesisir itu; atau
- (b) dalam hal pekongsi terhadap yang merupakan pekongsi suatu pertubuhan perbadanan, pembubaran, kebangkrapan atau penarikan dirinya daripada perkongsian terhadap luar pesisir itu.

**12.** (1) Pekongsi terhadap hendaklah, tertakluk kepada Akta Perkongsian Keuntungan. ini dan perjanjian perkongsian, mempunyai hak untuk berkongsi keuntungan suatu perkongsian terhadap luar pesisir.

(2) Pekongsi terhadap hanya boleh menerima daripada perkongsian terhadap luar pesisir bahagian keuntungan yang telah ditetapkan untuk pekongsi terhadap itu dalam perjanjian perkongsian jika, pada masa itu dan sebaik sahaja selepas pembayaran dibuat, perkongsian terhadap luar pesisir adalah solven.

(3) Selama tempoh enam bulan dari tarikh penerimaan oleh seseorang pekongsi terhad apa-apa bayaran yang merupakan bahagian keuntungan perkongsian terhad luar pesisir itu dalam hal keadaan apabila kehendak-kehendak subseksyen (2) tidak dipenuhi, bayaran itu hendaklah kena dibayar semula oleh pekongsi terhad itu berserta bunga pada kadar yang telah ditetapkan setakat yang bahagian keuntungan itu perlu untuk menunaikan hutang atau obligasi yang ditanggung oleh perkongsian terhad luar pesisir itu dalam tempoh bahagian keuntungan itu merupakan aset perkongsian terhad luar pesisir itu.

Urusan-  
urusan oleh  
pekongsi  
terhad  
dengan  
perkongsian.

**13.** (1) Pekongsi terhad boleh meminjamkan wang kepada, meminjam wang daripada dan membuat transaksi dengan perkongsian terhad luar pesisir.

(2) Kecuali jika pekongsi terhad itu adalah juga merupakan pekongsi am, seseorang pekongsi terhad yang mempunyai tuntutan berkenaan dengan apa-apa jua yang telah dibuat di bawah subseksyen (1), terhadap aset-aset perkongsian terhad luar pesisir itu hendaklah disenaraikan sebagai pemiutang kepada perkongsian terhad luar pesisir itu berkenaan dengan tuntutan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, tuntutan yang diperihalkan dalam subseksyen (2) tidaklah termasuk tuntutan bagi pemulangan sumbangan modal.

Hak-hak  
pekongsi  
terhad di  
kalangan  
mereka.

**14.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pekongsi-pekongsi terhad, dalam hubungan sesama mereka, hendaklah berperingkat —

(a) *pari passu* berkenaan dengan pemulangan sumbangan mereka; dan

(b) *pro rata* berbanding sumbangan itu berkenaan dengan keuntungan.

(2) Jika ada lebih daripada seorang pekongsi terhad, perjanjian perkongsian boleh memperuntukkan bahawa seorang atau lebih daripada seorang pekongsi terhad

hendaklah mempunyai hak yang lebih besar daripada perkongsi terhad lain tentang—

- (a) pemulangan sumbangan;
- (b) keuntungan; atau
- (c) apa-apa perkara lain.

**15.** (1) Seseorang perkongsi terhad tidak boleh, semasa pembubaran atau selainnya, menerima daripada modal sesuatu perkongsi terhad luar pesisir satu bayaran yang merupakan pemulangan mana-mana bahagian sumbangannya kepada perkongsi terhad luar pesisir itu melainkan jika pada masa dan sebaik sahaja selepas pembayaran itu dibuat perkongsi terhad luar pesisir itu adalah solven.

Pemulangan  
sumbangan  
pekongsi  
terhad.

(2) Selama tempoh enam bulan dari tarikh penerimaan bayaran oleh seseorang perkongsi terhad apa-apa bayaran yang merupakan pemulangan sumbangan atau sebahagian daripadanya yang diterima oleh perkongsi terhad itu dalam hal keadaan jika kehendak-kehendak subseksyen (1) tidak dipenuhi, bayaran itu hendaklah kena dibayar semula oleh perkongsi terhad itu dengan bunga pada kadar yang ditetapkan setakat yang sumbangan atau bahagian itu perlu untuk menunaikan hutang atau obligasi perkongsi terhad luar pesisir itu yang dilakukan dalam tempoh sumbangan itu merupakan aset perkongsi terhad luar pesisir.

(3) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, seseorang perkongsi terhad tidaklah bertanggung untuk membayar balik apa-apa bayaran yang merupakan pemulangan sumbangannya atau sebahagian sumbangan itu kecuali—

- (a) sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2); atau
- (b) dalam hal fraud.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan (2), seseorang pekongsi terhad boleh menuntut bayaran yang merupakan pemulangan semua atau sebahagian daripada sumbangannya—

- (a) apabila perkongsian terhad luar pesisir itu dibubarkan;
- (b) pada masa yang ditentukan dalam perjanjian perkongsian itu bagi pemulangannya; atau
- (c) selepas dia memberikan notis bertulis enam bulan kepada semua pekongsi lain jika tidak ditentukan dalam perjanjian perkongsian itu masa sama ada bagi pemulangan sumbangan itu atau bagi pembubaran perkongsian terhad luar pesisir itu.

(5) Walau apa pun jenis sumbangannya, seseorang pekongsi terhad hanya mempunyai hak untuk menuntut dan menerima wang sebagai pemulangan sumbangannya, melainkan jika—

- (a) ada pernyataan yang berlawanan dalam perjanjian perkongsian itu; atau
- (b) semua pekongsi bersetuju untuk memulangkan sumbangan itu dengan cara lain.

(6) Dalam seksyen ini, "bayaran" termasuklah pelepasan apa-apa obligasi yang membentuk sebahagian daripada sumbangan modal, dan apa-apa liabiliti untuk membuat pembayaran semula menurut subseksyen (2) hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Liabiliti  
pekongsi  
terhad  
kepada  
perkongsian.

**16.** Seseorang pekongsi terhad hendaklah bertanggung kepada perkongsian terhad luar pesisir bagi perbezaan, jika ada, antara nilai wang atau harta lain yang disumbangkan olehnya kepada perkongsian terhad luar pesisir itu atau nilai statutorinya dan nilai wang atau harta lain yang ditentukan dalam rekod-rekod yang disimpan di bawah subseksyen 7(4) supaya disumbangkan oleh pekongsi terhad itu kepada perkongsian terhad luar pesisir itu.

**17.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, pekongsi terhad tidaklah bertanggung bagi hutang atau obligasi perkongsian terhad luar pesisir itu. Liabiliti pekongsi terhad kepada pemiutang.

(2) Seseorang pekongsi terhad tidaklah bertanggung sebagai pekongsi am melainkan jika pekongsi terhad itu mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian terhad luar pesisir itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika seseorang pekongsi terhad mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian terhad luar pesisir dalam urusannya dengan orang yang bukan pekongsi, pekongsi terhad itu hendaklah bertanggung, sekiranya perkongsian terhad luar pesisir itu menjadi tak solven, bagi semua hutang dan obligasi perkongsian terhad luar pesisir itu yang dilakukan dalam tempoh pekongsi terhad itu mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian terhad luar pesisir itu seolah-olah pekongsi terhad itu ialah pekongsi am dalam tempoh itu.

(4) Seseorang pekongsi terhad adalah bertanggung di bawah subseksyen (3) hanya kepada seseorang yang bertransaksi dengan perkongsian terhad luar pesisir itu dengan pengetahuan sebenar tentang penglibatan pekongsi terhad itu dalam pengurusan perkongsian terhad luar pesisir itu dan ketika itu semunasabahnya percaya bahawa pekongsi terhad itu ialah pekongsi am.

(5) Seseorang pekongsi terhad tidak boleh disifatkan mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu perkongsian terhad luar pesisir mengikut pengertian seksyen ini jika dia melakukan satu atau lebih daripada satu perkara yang berikut:

- (a) menjadi kontraktor bagi atau ejen atau pekerja perkongsian terhad luar pesisir itu atau seseorang pekongsi amnya atau bertindak sebagai pengarah, pegawai atau pemegang saham sesuatu pekongsi am perbadanan;
- (b) berunding dengan dan menasihati seseorang pekongsi am berkenaan dengan aktiviti-aktiviti perkongsian terhad luar pesisir itu;

- (c) menyiasat, mengkaji semula, meluluskan atau dinasihati tentang akaun atau hal-ehwal perkongsian terhad luar pesisir itu atau menjalankan apa-apa hak yang diberikan oleh Akta ini;
- (d) bertindak sebagai penjamin atau penggerenti bagi perkongsian terhad luar pesisir itu sama ada secara am atau berkenaan dengan obligasi tertentu;
- (e) meluluskan atau tidak meluluskan sesuatu pindaan kepada perjanjian perkongsian;
- (f) mengundi, atau selainnya menunjukkan kelulusan atau ketidaklulusan, satu atau lebih daripada satu yang berikut;
  - (i) pembubaran dan penggulangan perkongsian terhad luar pesisir itu;
  - (ii) pembelian, penjualan, pertukaran, pemajakan, pemajakan, penyandaran, hipotekasi, atau pewujudan sesuatu kepentingan sekuriti, atau apa-apa urusan lain mengenai mana-mana aset oleh atau kepunyaan perkongsian terhad luar pesisir itu;
  - (iii) pewujudan atau pembaharuan sesuatu obligasi oleh perkongsian terhad luar pesisir;
  - (iv) perubahan dalam jenis aktiviti perkongsian terhad luar pesisir itu;
  - (v) kemasukan, penyingkiran atau penarikan diri seseorang pekongsi am atau terhad dan keberterusan perkongsian terhad luar pesisir selepas itu; atau
  - (vi) transaksi yang dalamnya seorang atau lebih daripada seorang pekongsi am mempunyai percanggahan kepentingan yang nyata atau mungkin dengan seorang atau lebih daripada seorang pekongsi terhad; atau
- (g) mengambil tindakan bagi pihak perkongsian terhad luar pesisir itu menurut subseksyen 25(3).

(6) Subseksyen (5) tidak boleh ditafsirkan untuk mensiratkan bahawa pemilikan atau penjalanan mana-mana kuasa lain oleh seseorang pekongsi terhadap akan semestinya merupakan penglibatan oleh pekongsi terhadap itu dalam pengurusan perkongsian terhadap luar pesisir itu.

**18.** Pekongsi terhadap tambahan tidak boleh diterima masuk ke dalam sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir kecuali mengikut perjanjian perkongsian dan dengan kemasukan dalam daftar di bawah perenggan 7(4)(a). Kemasukan pekongsi terhadap lambahan.

**19.** (1) Seseorang pekongsi terhadap tidak boleh menyerahkan hak kepentingannya, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dalam perkongsian terhadap luar pesisir itu melainkan jika— Penyerahhakan.

(a) semua pekongsi terhadap dan semua pekongsi am bersetuju atau perjanjian perkongsian membenarkannya; dan

(b) penyerahhakan itu dibuat mengikut terma-terma persetujuan atau perjanjian perkongsian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pemegang serahhak keseluruhan atau sebahagian kepentingan seseorang pekongsi terhadap tidak boleh menjadi pekongsi terhadap dalam perkongsian terhadap luar pesisir itu sehingga pemunyaan kepentingan serahhaknya itu dimasukkan dalam daftar yang disebut dalam perenggan 7(4)(a), dan sehingga dimasukkan sedemikian, pemegang serahhak itu tidak mempunyai apa-apa hak sebagai pekongsi terhadap yang boleh dijalankan terhadap perkongsian itu atau terhadap mana-mana pekongsi selain penyerahhak itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), apabila seseorang penerima serahhak menjadi pekongsi terhadap, dia hendaklah memperoleh hak dan kuasa dan adalah tertakluk kepada segala sekatan dan liabiliti yang dipunyai oleh penyerahhak berkenaan dengan kepentingan yang diserahhakan itu sebelum sahaja penyerahhakan itu.

(4) Apabila seseorang penerima serahhak menjadi pekongsi terhad dia tidak boleh menerima apa-apa liabiliti sebagai penyerahhak di bawah subseksyen 12(3), 15(2) atau 17(3) dan, walau apa pun mana-mana terma dalam perjanjian perkongsian atau apa-apa perjanjian lain yang berlawanan, penyerahhak sedemikian tidaklah melepaskan penyerahhak itu daripada apa-apa liabiliti di bawah subseksyen-subseksyen itu.

(5) Apa-apa penyerahhakan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah didaftarkan dengan Lembaga oleh perkongsian terhad luar pesisir itu.

(6) Apabila didaftarkan sesuatu penyerahhakan di bawah subseksyen (5) dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan yang bermaksud sedemikian.

(7) Seseorang pekongsi terhad yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Notis  
pembubaran.

**20.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 22 dan 23, sesuatu perkongsian terhad luar pesisir tidak boleh dibubarkan melalui tindakan pekongsi-pekongsiannya sehingga notis pembubaran yang ditandatangani oleh seorang pekongsi am telah difailkan olehnya dengan Lembaga.

(2) Apabila notis pembubaran difailkan dengan Lembaga, Lembaga boleh membatalkan pendaftaran perkongsian terhad luar pesisir itu.

(3) Jika perkongsian terhad luar pesisir itu dibubarkan dengan melanggar subseksyen (1), setiap pekongsi am adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Pembubaran  
perkongsian  
terhad luar  
pesisir.

**21.** (1) Sekiranya sesuatu perkongsian terhad luar pesisir dibubarkan, hal-ehwalnya hendaklah digulung oleh pekongsi-pekongsi amnya, melainkan jika aktiviti-aktiviti

perkongsian terhadap luar pesisir itu diambil alih dan diteruskan mengikut subseksyen 22(2) atau melainkan jika mahkamah mengarahkan yang selainnya di bawah subseksyen 23(2).

(2) Jika hal-ehwal perkongsian terhadap luar pesisir itu tidak digulung oleh pekongsi-pekongsi amnya selepas pembubarannya, setiap pekongsi am adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

22. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan, nyata atau tersirat, dalam perjanjian perkongsian yang berlawanan, tetapi tertakluk kepada subseksyen (2)—

Pembubaran  
perkongsian  
kerana  
kematian,  
dll.,  
pekongsi  
am.

(a) jika pekongsi am tunggal atau yang terakhir ialah seorang individu, kematiannya, ketidakupayaannya undang-undang, kebankrapannya, persaraannya atau penarikan dirinya daripada perkongsian terhadap luar pesisir itu; atau

(b) jika pekongsi am tunggal atau yang terakhir ialah suatu pertubuhan perbadanan, pembubarannya, kebankrapannya atau penarikan dirinya daripada perkongsian terhadap luar pesisir itu,

hendaklah menyebabkan pembubaran serta-merta perkongsian terhadap luar pesisir itu yang hendak dengan segera digulung—

(aa) mengikut perjanjian perkongsian; atau

(bb) mengikut arahan mahkamah atas permohonan pekongsi terhadap atau pemiutang perkongsian terhadap luar pesisir itu.

(2) Sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir tidak boleh dikehendaki supaya digulung di bawah subseksyen (1) jika, dalam masa 60 hari dari pembubaran itu, pekongsi-pekongsi terhadap, sama ada sebulat suara atau sebagaimana yang selainnya diperuntukkan dalam perjanjian perkongsian, memilih seorang atau lebih daripada seorang pekongsi am, dan dalam keadaan ini perkongsian terhadap

luar pesisir itu hendaklah disifatkan belum dibubarkan dan aktiviti-aktiviti perkongsian terhad luar pesisir itu boleh diambil alih dan diteruskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian perkongsian itu atau perjanjian perkongsian yang kemudiannya.

(3) Jika sesuatu perkongsian terhad luar pesisir dibubarkan di bawah subseksyen (1), dan aktiviti-aktiviti perkongsian terhad luar pesisir tidak diambil alih dan diteruskan mengikut subseksyen (2), suatu notis pembubaran yang ditandatangani oleh seorang pekongsi terhad hendaklah difailkan dalam tempoh 30 hari olehnya dengan Lembaga yang sesudah itu boleh membatalkan pendaftaran perkongsian terhad luar pesisir itu.

(4) Jika notis yang dikehendaki difailkan di bawah subseksyen (3) tidak difailkan sedemikian, setiap pekongsi terhad adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Kuasa  
mahkamah  
untuk me-  
merintahkan  
pembubaran.

23. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang pekongsi, memerintahkan pembubaran sesuatu perkongsian terhad luar pesisir jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) perkongsian terhad luar pesisir itu dikendalikan dengan cara yang berlawanan dengan terma-terma perjanjian perkongsian perkongsian terhad luar pesisir itu;
- (b) perkongsian terhad luar pesisir itu dikendalikan dengan cara yang menindas seorang atau lebih daripada seorang pekongsi terhad itu; atau
- (c) telah timbul hal keadaan yang menjadikannya adil dan berekuiti bahawa perkongsian terhad luar pesisir itu dibubarkan.

(2) Jika suatu perintah telah dibuat di bawah subseksyen (1) mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya sesuai tentang penggulangan perkongsian terhad luar pesisir itu.

(3) Jika sesuatu perkongsian terhad luar pesisir telah dibubarkan di bawah seksyen ini pekongsi yang membuat

permohonan hendaklah menyebabkan perintah mahkamah itu disampaikan kepada Lembaga dalam masa 30 hari selepas perintah itu dibuat dan Lembaga boleh sesudah itu membatalkan pendaftaran perkongsian terhadap luar pesisir itu.

(4) Jika perintah mahkamah tidak disampaikan kepada Lembaga sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (3), pekongsi yang disebut dalam subseksyen itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

**24.** Jika akaun telah diselesaikan selepas pembubaran sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir, liabiliti perkongsian itu terhadap pemiutang hendaklah dibayar dahulu, dan kemudian liabiliti cukai yang kena dibayar kepada Kerajaan, dan kemudian, tertakluk kepada perjanjian perkongsian atau perjanjian yang kemudiannya, liabiliti lain perkongsian itu hendaklah dibayar mengikut susunan yang berikut:

Penyelesaian akaun kerana pembubaran.

- (a) kepada pekongsi am selain untuk modal dan keuntungan;
- (b) kepada pekongsi terhadap berkenaan dengan modal sumbangan mereka;
- (c) kepada pekongsi terhadap berkenaan dengan bahagian mereka daripada keuntungan;
- (d) kepada pekongsi am berkenaan dengan sumbangan mereka; dan
- (e) kepada pekongsi am berkenaan dengan bahagian mereka daripada keuntungan.

**25.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, prosiding undang-undang oleh atau terhadap sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir hanya boleh dimulakan oleh atau terhadap mana-mana seorang atau lebih daripada seorang pekongsi am dan tiada pekongsi terhadap boleh menjadi suatu pihak kepada atau dinamakan dalam prosiding itu.

Prosiding undang-undang dan penyampaian dokumen.

(2) Seseorang pekongsi am atau, dengan keizinan mahkamah, mana-mana orang lain hendaklah mempunyai hak untuk menyertai atau selainnya memulakan prosiding terhadap seorang atau lebih daripada seorang pekongsi terhad yang mungkin bertanggung terhadap perkongsian terhad luar pesisir itu menurut subseksyen 12(3), subseksyen 15(2), seksyen 16 atau subseksyen 17(3).

(3) Seseorang pekongsi terhad boleh membawa suatu tindakan bagi pihak sesuatu perkongsian terhad luar pesisir jika mana-mana seorang atau lebih daripada seorang pekongsi amnya yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian telah, tanpa alasan yang munasabah enggan untuk memulakan prosiding sedemikian.

(4) Bagi maksud Akta ini, penyampaian dokumen kepada seseorang pekongsi am berkenaan dengan sesuatu perkongsian terhad luar pesisir boleh dilakukan dengan—

- (a) menyerahkan dokumen itu kepadanya; atau
- (b) menghantar dokumen itu melalui pos atau menyerahkannya di pejabat berdaftar perkongsian terhad luar pesisir.

Kuasa untuk menandatangani.

**26.** Jika seseorang pekongsi am menyempurnakan sesuatu dokumen bagi pihak perkongsian terhad luar pesisir itu, maka hendaklah dianggap sebagai konklusif dengan memihak kepada mana-mana orang yang bukan pekongsi bahawa—

- (a) pekongsi am mempunyai kuasa yang di bawahnya dia bcrupa telah bertindak; dan
- (b) dokumen yang telah disempurnakan itu telah disempurnakan dengan sah

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

Kuasa penyeliaan.

**27.** (1) Tanpa menjejaskan fungsi, kuasa dan kewajipan yang diberikan kepada atau dikenakan ke atas Lembaga di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, Lembaga hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya, dan kewajipan yang dikenakan, ke atasnya, oleh Akta ini.

(2) Lembaga boleh memberikan kuasa kepada mana-mana anggota atau pegawainya untuk melaksanakan mana-mana fungsinya, menjalankan mana-mana kuasanya, atau menunaikan mana-mana kewajipannya di bawah Akta ini.

(3) Jika mana-mana orang dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini supaya menyerahkan, mengemukakan atau memberikan apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen kepada Lembaga, maka Lembaga boleh menentukan bahawa maklumat, statistik, penyata atau dokumen itu hendaklah diserahkan, dikemukakan atau diberikan dalam bentuk dan mengikut cara dan dalam masa atau pada lat-lat tempoh atau masa, yang tidak tak konsisten dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga dalam penentuan itu, dan orang itu tidak boleh menyerahkan, mengemukakan atau memberikan sebagai betul dan tepat apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen yang dia tahu, atau dia ada sebab untuk percaya, adalah palsu, tidak tepat atau mengelirukan.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**28.** (1) Sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir tidak boleh dijalankan di Labuan apa-apa perniagaan yang sesuatu syarikat luar pesisir dilarang menjalankannya melainkan jika dibenarkan dengan nyata di bawah Akta ini.

Larangan dan sekatan ke atas perkongsian terhadap luar pesisir.

(2) Menteri boleh, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, memerintahkan supaya mana-mana perkongsian terhadap luar pesisir disekat daripada menjalankan apa-apa perniagaan yang ditentukan di Labuan dan boleh, melalui notis yang disiarkan di dalam *Warta*, mengenakan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya apa-apa perniagaan tertentu boleh dijalankan oleh perkongsian terhadap luar pesisir di Labuan.

(3) Mana-mana perkongsian terhad luar pesisir yang melanggar subseksyen (1) atau sekatan atau perintah atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Fee. 29. (1) Lembaga boleh mengenakan fee berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa fee yang dipungut oleh atau dibayar kepada Lembaga di bawah Akta ini hendaklah menjadi sebahagian daripada dan dimasukkan di dalam Kumpulan Wangnya yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga.

Pemeriksaan dan pengeluaran dokumen yang disimpan oleh Lembaga dan perkongsian terhad luar pesisir. 30. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, seseorang boleh, jika dibenarkan oleh perkongsian terhad luar pesisir yang relevan—

(a) memeriksa dokumen yang disampaikan kepada, didaftarkan oleh atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini dan yang disimpan oleh Lembaga atau, jika didapati sesuai oleh Lembaga, salinan dokumen itu;

(h) meminta supaya diberikan kepadanya suatu perakuan tentang pendaftaran sesuatu perkongsian terhad luar pesisir atau apa-apa dokumen lain atau sebahagian daripada apa-apa dokumen lain yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Sesuatu perakuan yang diberikan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah ditandatangani oleh Lembaga dan dimeterai dengan meterai Lembaga.

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta ini, Lembaga boleh, pada bila-bila masa, menghendaki sesuatu perkongsian terhad luar pesisir atau mana-mana pekongsinya supaya mengemukakan kepada Lembaga apa-apa dokumen yang berhubungan dengan perkongsian itu pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

31. Rekod-rekod yang dikehendaki oleh Akta ini supaya disimpan oleh sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir hendaklah disimpan dalam bentuk filem fotografi atau boleh dicatatkan atau direkodkan melalui suatu sistem pemprosesan data secara mekanik atau elektronik atau apa-apa peranti penstoran maklumat lain yang berupaya untuk mengeluarkan semula dalam masa yang munasabah apa-apa maklumat yang diperlukan dalam bentuk bertulis yang dapat difahami.

Bentuk rekod perkongsian terhadap luar pesisir.

32. (1) Mana-mana orang yang membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan apa-apa fakta material, atau yang tidak menyatakan apa-apa fakta material, dalam mana-mana dokumen, bahan, keterangan atau maklumat yang dikehendaki disimpan di bawah subseksyen 7(4) atau dikehendaki supaya disampaikan kepada Lembaga di bawah Akta ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya.

Kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan dokumen perkongsian terhadap luar pesisir.

(2) Bagi maksud seksyen ini, tiap-tiap anggota dan pegawai Lembaga hendaklah disifatkan sebagai penghidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

*N.M.B.*  
*Bab 45.*

33. Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, maka mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu adalah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya atau pekongsi dalam pertubuhan itu, atau berupa bertindak atas sifat tersebut hendaklah, berserta juga dengan pertubuhan itu, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk menghalang pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, memandangkan kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.

Dokumen hendaklah difailkan, melalui syarikat amanah.

**34.** (1) Tiap-tiap dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan supaya diserahkan atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini hendaklah diserahkan atau difailkan melalui suatu syarikat amanah.

(2) Tiap-tiap permohonan kepada Lembaga untuk mendapat apa-apa perakuan atau untuk mendapat apa-apa cabutan atau salinan mana-mana perakuan yang hendak dikeluarkan di bawah Akta ini atau apa-apa dokumen yang telah diserahkan atau difailkan dengan Lembaga hendaklah dibuat melalui suatu syarikat amanah.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai jika sesuatu permohonan dibuat berkenaan suatu perkongsian terhadap luar pesisir oleh mana-mana pekongsi perkongsian terhadap luar pesisir itu dan dokumen, perakuan, cabutan atau salinan itu adalah untuk kegunaan peribadinya sendiri.

Prosedur jika tiada prosedur ditetapkan.

**35.** Sekiranya apa-apa tindakan atau langkah dikehendaki atau dibenarkan dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada bentuk ditetapkan atau prosedur ditentukan sama ada dalam Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, permohonan bolehlah dibuat kepada Lembaga untuk mendapat arahan tentang cara bagaimana tindakan atau langkah boleh diambil dan apa-apa tindakan dan langkah itu boleh diambil, dan apa-apa tindakan atau langkah yang diambil mengikut arahnya hendaklah menjadi pelaksanaan yang sah bagi tindakan atau langkah itu.

Tanggung rugi.

**36.** Lembaga atau mana-mana pegawai atau ejen atau pengkhidmat Lembaga tidak boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa perbuatan atau perkara yang telah dilakukan atau diarahkan supaya dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan, oleh Lembaga atau pegawai atau ejen atau pengkhidmat itu dengan suci hati dan dengan niat untuk menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas yang diberikan atau dikenakan pada Lembaga atau pegawai atau ejen atau pengkhidmat itu oleh atau di bawah Akta ini.

**37.** (1) Pengerusi boleh, dengan persetujuan bertuiss Pendakwa Raya, dalam sesuatu kes jika dia berfikir sesuai dan layak berbuat demikian, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah Akta ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu dengan membayar kepada Pengerusi, dalam masa yang ditentukan, suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia disabitkan atas kesalahan itu.

Kuasa untuk mengkompaun kesalahan.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengerusi, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), maka tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat.

(4) Apa-apa wang yang telah dibayar kepada Pengerusi menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga.

**38.** (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan dalam Akta ini, jika Lembaga berpuas hati bahawa suatu perkongsian terhad luar pesisir—

Pemotongan.

(a) telah tidak memperbaharui perakuan pendaftarannya yang dikeluarkan di bawah subseksyen 4(7); atau

(b) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini,

Lembaga boleh menyampaikan satu notis kepada perkongsian terhad luar pesisir itu memberitahunya bahawa nama perkongsian terhad luar pesisir itu boleh dipotong daripada daftar, melainkan jika perkongsian terhad luar pesisir itu mengambil apa-apa langkah atau apa-apa tindakan untuk membetulkan kemungkiran yang dinyatakan dalam notis itu dalam masa 30 hari bermula dari tarikh notis atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang boleh dilanjutkan oleh Lembaga.

(2) Sekiranya Lembaga—

- (a) menerima daripada perkongsian terhad luar pesisir itu suatu notis menyatakan bahawa ia berkemungkinan tidak dapat membetulkan kemungkiran yang dinyatakan dalam notis yang disampaikan kepada perkongsian terhad luar pesisir itu di bawah subseksyen (1); atau
- (b) tiada menerima apa-apa jawapan bagi notis yang disampaikan kepada perkongsian terhad luar pesisir di bawah subseksyen (1),

Lembaga boleh dalam masa 30 hari bermula dari tarikh habis tempoh masa yang disebut dalam notis yang disampaikan di bawah subseksyen (1) atau selepasnya, memotong nama perkongsian terhad luar pesisir itu dari daftar melainkan jika perkongsian terhad luar pesisir itu atau mana-mana orang memuaskan hati Lembaga bahawa nama itu tidak patut dipotong.

(3) Sesuatu perkongsian terhad luar pesisir yang telah dipotong dari daftar di bawah seksyen ini masih lagi bertanggungjawab bagi semua tuntutan, hutang, liabiliti dan obligasi perkongsian terhad luar pesisir itu, dan pemotongan itu tidaklah menyentuh liabiliti mana-mana pekongsinya.

Pemasukan  
semula dalam  
daftar.

**39.** Jika nama sesuatu perkongsian terhad luar pesisir telah dipotong dari daftar di bawah subseksyen 38(2), perkongsian terhad luar pesisir itu, atau seseorang pekongsi atau pelikuidasinya, boleh dalam masa 3 tahun selepas sahaja tarikh pemotongan, memohon kepada Lembaga

supaya nama perkongsian terhadap luar pesisir itu dimasukkan semula ke dalam daftar, dan apabila dibayar kepada Lembaga fee yang ditetapkan dan segala fee ditetapkan yang lain yang kena dibayar, Lembaga boleh memasukkan semula nama perkongsian terhadap luar pesisir itu ke dalam daftar dan selepas memasukan semula nama perkongsian terhadap luar pesisir itu ke dalam daftar, nama perkongsian terhadap luar pesisir itu hendaklah disifatkan tidak pernah dipotong dari daftar.

**40.** (1) Jika nama sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir telah dipotong dari daftar, perkongsian terhadap luar pesisir itu, dan, pekongsi-pekongsi, pelikuidasi-pelikuidasi dan penerima-penerimanya, tidak boleh—

Kesan pemotongan.

- (a) memulakan atau membela apa-apa prosiding undang-undang, menjalankan apa-apa perniagaan atau dengan apa-apa cara membuat urusan mengenai aset-aset perkongsian terhadap luar pesisir;
- (b) membela apa-apa prosiding undang-undang, membuat apa-apa tuntutan atau menuntut apa-apa hak untuk, atau atas nama, perkongsian terhadap luar pesisir itu; atau
- (c) bertindak dengan apa-apa cara berkenaan dengan hal-ehwal perkongsian terhadap luar pesisir itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika nama sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir telah dipotong dari daftar, perkongsian terhadap luar pesisir itu atau seseorang pekongsi, pelikuidasi atau penerimanya, boleh—

- (a) memohon kepada Lembaga supaya perkongsian terhadap luar pesisir itu didaftarkan semula;
- (b) terus membela prosiding yang dimulakan terhadap perkongsian terhadap luar pesisir itu sebelum tarikh pemotongan itu; dan
- (c) terus menjalankan prosiding undang-undang yang dimulakan bagi pihak perkongsian terhadap luar pesisir itu sebelum tarikh pemotongan itu.

(3) Hakikat bahawa nama sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir telah dipotong dari daftar tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang—

- (a) perkongsian terhadap luar pesisir itu daripada bertanggung bagi mana-mana liabilitinya;
- (b) mana-mana orang daripada membuat tuntutan terhadap perkongsian terhadap luar pesisir itu dan meneruskan tuntutan itu sehingga penghakiman atau pelaksanaan; atau
- (c) mahkamah daripada memberikan apa-apa perintah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Kerahsiaan. 41. (1) Semua prosiding (selain prosiding jenayah) yang melibatkan mana-mana perkongsian terhadap luar pesisir yang dimulakan di mana-mana mahkamah, sama ada di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau semata-mata bagi maksud menentukan hak-hak atau obligasi-obligasi pekongsi-pekongsi, dan apa-apa rayuan terhadapnya, hendaklah didengar secara tertutup dan butir-butir prosiding itu tidak boleh disiarkan.

(2) Jika —

- (a) dalam mana-mana prosiding bagi penggulungan sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir mahkamah berpuas hati bahawa perkongsian terhadap luar pesisir itu atau mana-mana pekongsinya telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (b) sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir atau mana-mana pekongsinya telah disabitkan oleh mahkamah atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini,

rekod-rekod, buku-buku dan daftar-daftar perkongsian terhadap luar pesisir itu dan butir-butir dalam daftar-daftar dan rekod-rekod Lembaga berhubungan dengan perkongsian terhadap luar pesisir itu tidak boleh dibuka kepada orang ramai untuk pemeriksaan.

(3) Seseorang yang, berkenaan dengan mana-mana perkongasian terhadap luar pesisir, selain daripada bagi maksud pentadbiran Akta ini atau yang dibenarkan di bawah Akta ini bagi menjalankan perniagaan perkongasian terhadap luar pesisir itu, di Labuan atau di tempat lain—

- (a) mendedahkan;
- (b) mencuba, menawarkan, atau mengugut untuk mendedahkan; dan
- (c) mendorong atau cuba mendorong orang-orang lain untuk mendedahkan,

apa-apa maklumat yang berkenaan dengan atau yang menyentuh kepentingan perkongasian, pengurusan, apa-apa perniagaan, kewangan atau hal-ehwal atau transaksi lain perkongasian terhadap luar pesisir itu, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini yang boleh menghalang mana-mana mahkamah daripada menjalankan budi bicaranya untuk menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa keterangan dalam mana-mana prosiding di hadapan mahkamah itu yang relevan kepada prosiding itu.

**42.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan segala perkara dan benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini untuk ditetapkan atau diperuntukkan bagi menjalankan, atau memberikan kesan yang sepenuhnya kepada, peruntukan-peruntukan Akta ini dan bagi pentadbiran wajarnya, termasuklah semua atau mana-mana maksud yang berikut:

Peraturan-peraturan.

- (a) menetapkan borang permohonan yang hendak digunakan bagi maksud-maksud Akta ini dan perkara-perkara yang akan dinyatakan dalam borang itu; dan
- (b) menetapkan cara rekod perakaunan dan rekod-rekod lain hendaklah dibuat atau disimpan, dan akaun, laporan, lampiran, jadual atau butir-butir yang perlu disertakan dengan atau dilampirkan pada akaun atau rekod-rekod lain itu.

Kuasa  
Menteri  
untuk  
mengecuali.

**43.** Menteri boleh, atas syor Lembaga dengan notis bertulis, mengecualikan suatu perkongsian terhad luar pesisir atau pekongsi atau mana-mana orang daripada seksyen 4, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18 atau 24.

Peruntukan  
kecualian.

**44.** (1) Rukun-rukun ekuiti dan *common law* yang terpakai bagi perkongsian hendaklah terus berkuatkuasa, kecuali setakat yang tidak konsisten dengan peruntukan-peruntukan nyata Akta ini.

Akta 135.

(2) Peruntukan-peruntukan Akta Perkongsian 1961 tidaklah terpakai bagi sesuatu perkongsian terhad luar pesisir yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah Akta ini.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran perkongsian terhad luar pesisir.

#### BAHAGIAN 1

2. Bahagian I adalah berhubungan dengan perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* bertujuan membuat peruntukan tentang tajuk ringkas dan peruntukan tentang bermula kuatkuasanya Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

#### BAHAGIAN II

5. Bahagian II adalah berhubungan dengan penubuhan perkongsian terhad luar pesisir.
6. *Fasal 3* bertujuan membuat peruntukan bagi penubuhan perkongsian terhad luar pesisir, perkongsian projek luar pesisir dan perkongsian profesional luar pesisir dan bilangan atau kelayakan minimum pekongsi am dan terhad.
7. *Fasal 4* bertujuan membuat peruntukan bagi prosedur terperinci berkaitan dengan pendataran sesuatu perkongsian terhad luar pesisir, kelayakan pekongsi-pekongsi, butir-butir perkongsian terhad luar pesisir yang dikehendaki supaya diserahkan semasa pendaftaran, tempoh pendaftaran perkongsian terhad luar pesisir dan prosedur bagi pembaharuan.

8. *Fasal 5* bertujuan menghendaki pekongsi am supaya mendaftarkan dengan Lembaga apa-apa pindaan yang dibuat kepada perjanjian perkongsian.

9. *Fasal 6* adalah berhubungan dengan nama sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir.

10. *Fasal 7* bertujuan menghendaki sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir supaya mengadakan suatu pejabat berdaftar di Labuan dan menyenaraikan dokumen yang perlu disenggara di pejabat berdaftar itu.

11. *Fasal 8* menyatakan jenis sumbangan pekongsi terhadap.

12. *Fasal 9* memperkatakan hak-hak dan obligasi-obligasi pekongsi am dalam menjalankan perkongsian terhadap luar pesisir.

13. *Fasal 10* adalah berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman terhadap harta perkongsian terhadap luar pesisir akibat daripada tindakan oleh pemiutang seseorang pekongsi.

14. *Fasal 11* bertujuan membuat peruntukan tentang hak pekongsi terhadap dan tentang sekatan bagi pembubaran sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir oleh pekongsi terhadap.

15. *Fasal 12* bertujuan mengawalselia cara pembahagian keuntungan sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir jika tiada peruntukan yang sebaliknya dalam perjanjian perkongsian.

16. *Fasal 13* bertujuan memberi seseorang pekongsi terhadap kuasa untuk meminjamkan wang kepada, meminjam wang daripada dan membuat transaksi dengan perkongsian terhadap luar pesisir dan susunannya atas sifatnya sebagai pemiutang akibat daripada transaksi itu jika berlaku pembubaran perkongsian terhadap luar pesisir itu.

17. *Fasal 14* mengawal hak-hak pekongsi terhadap sesama mereka sendiri berkenaan dengan pemulangan sumbangan mereka.

18. *Fasal 15* adalah berhubungan dengan pemulangan sumbangan pekongsi terhadap apabila perkongsian terhadap luar pesisir dibubarkan dan keadaan-keadaan yang memerlukan pemulangan mana-mana sumbangan yang sudah dibayar kepada seseorang pekongsi terhadap.

19. *Fasal 16* bertujuan memperuntukkan bahawa pekongsi terhadap adalah bertanggungjawab untuk mengadakan sumbangan lebih dalam keadaan-keadaan tertentu.

20. *Fasal 17* memperkatakan liabiliti pekongsi terhadap jika ia terlibat dalam pengurusan sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir dan keadaan-keadaan bilamana dia tidak akan disifatkan sebagai mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian terhadap luar pesisir itu.

21. *Fasal 18* memperkatakan prosedur untuk menerima masuk pekongsi terhad tambahan.
22. *Fasal 19* adalah berhubungan dengan penyerahhakan keseluruhan atau sebahagian daripada kepentingan seseorang pekongsi terhad dalam perkongsian terhad luar pesisir.
23. *Fasal 20* bertujuan menghendaki pekongsi am memfailkan suatu notis pembubaran sesuatu perkongsian terhad luar pesisir dengan Lembaga.
24. *Fasal 21, 22* dan *23* adalah berhubungan dengan prosedur bagi pembubaran sesuatu perkongsian terhad luar pesisir. *Fasal 21* bertujuan memberi pekongsi am kuasa untuk menggulung sesuatu perkongsian terhad luar pesisir sekiranya berlaku pembubaran. *Fasal 22* memperuntukkan keadaan-keadaan bilamana perkongsian terhad luar pesisir boleh dibubarkan dan *fasal 23* bertujuan memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan pembubaran sesuatu perkongsian luar pesisir dan untuk membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut.
25. *Fasal 24* mengandungi prosedur berkenaan dengan penyelesaian akaun perkongsian terhad luar pesisir jika berlaku pembubaran dan susunan pemiutang berbanding pekongsi.
26. *Fasal 25* bertujuan mengawalselia prosedur bagi memulakan prosiding undang-undang terhadap dan penyampaian dokumen kepada sesuatu perkongsian terhad luar pesisir.
27. *Fasal 26* bertujuan memberi pekongsi am kuasa untuk menyempurnakan sesuatu dokumen untuk dan bagi pihak perkongsian terhad luar pesisir.

### BAHAGIAN III

28. Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan pelbagai dan peruntukan-peruntukan akhir.
29. *Fasal 27* memberi Lembaga kuasa untuk menguatkuasakan dan mentadbir Akta yang dicadangkan dan mewakilkan mana-mana kuasanya kepada mana-mana anggota dan pegawainya.
30. *Fasal 28* bertujuan melarang sesuatu perkongsian terhad luar pesisir menjalankan apa-apa perniagaan yang dilarang sesuatu syarikat luar pesisir menjalankannya melainkan jika dibenarkan dengan nyata di bawah Akta yang dicadangkan.
31. *Fasal 29* bertujuan memberi Lembaga kuasa budi bicara untuk mengenakan pembayaran apa-apa fee di bawah Akta yang dicadangkan.

32. *Fasal 30* memperkatakan pemeriksaan dokumen-dokumen perkongsian terhadap luar pesisir yang telah difailkan dengan Lembaga jika dibenarkan oleh perkongsian terhadap luar pesisir dan kewajipan statutori perkongsian terhadap luar pesisir untuk mengemukakan apa-apa maklumat yang diminta kepada Lembaga.
33. *Fasal 31* mengawal rekod-rekod transaksi sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir.
34. *Fasal 32* memperkatakan kesalahan berhubungan dengan dokumen-dokumen sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir yang tidak disimpan mengikut peruntukan Akta yang dicadangkan.
35. *Fasal 33* bertujuan membuat peruntukan tentang liabiliti pegawai sesuatu pertubuhan perbadanan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu.
36. *Fasal 34* bertujuan menghendaki supaya dokumen mesti difailkan melalui suatu syarikat amanah.
37. *Fasal 35* memberi Lembaga kuasa untuk menetapkan prosedur jika tiada bentuk atau prosedur ditetapkan di bawah Akta yang dicadangkan berkenaan dengan apa-apa tindakan atau langkah yang dikehendaki atau dibenarkan dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan.
38. *Fasal 36* bertujuan melindungi Kerajaan, Lembaga serta kakitangannya daripada guaman sivil kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tidak dilakukan dalam pelaksanaan apa-apa kewajipan yang dikehendaki supaya dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan.
39. *Fasal 37* bertujuan memberi Pengerusi Lembaga kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta yang dicadangkan dengan izin bertulis daripada Pendakwa Raya.
40. *Fasal 38* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk membatalkan nama perkongsian terhadap luar pesisir dari daftar kerana tidak membaharui perakuan pendaftarannya atau melanggar mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan dan membuat peruntukan bagi prosedur pembatalan.
41. *Fasal 39* memperkatakan prosedur mengenai pemasukan semula ke dalam daftar sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir yang telah dipotong dari daftar.
42. *Fasal 40* memperkatakan kesan pemotongan sesuatu perkongsian terhadap luar pesisir.

43. *Fasal 41* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua prosiding berkenaan dengan sesuatu perkongsian terhad luar pesisir hendaklah dijalankan secara tertutup dan bertujuan untuk melarang pendedahan apa-apa maklumat berhubungan dengan hal-ehwal sesuatu perkongsian terhad luar pesisir.

44. *Fasal 42* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

45. *Fasal 43* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada pemakaian peruntukan tertentu dalam Akta yang dicadangkan.

46. *Fasal 44* membuat peruntukan bagi pemakaian *common law* dan ketakpemakaian Akta Perkongsian 1961 berkenaan dengan perkongsian terhad luar pesisir yang didaftarkan di bawah Akta yang dicadangkan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1943.]